

30/06/2005

Chang-Konspirasi

BEKAS S/USAHA POLITIK DR MAHATHIR DEDAHKAN PELAN ANGLO-AMERIKA KUASAI  
DUNIA

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Kemelesetan ekonomi global, perang terhadap Islam, Amerika Syarikat berdepan masalah kewangan dan pelan Anglo-Amerika untuk mendominasi dunia dan perang nuklear yang tidak boleh dielak.

Jika anda merasakan isu-isu ini diambil daripada karya fiksyen terkini Frederick Forsyth, cuba fikir sekali lagi. Ia sebenarnya pemikiran dan penyelidikan yang dijalankan oleh Matthias Chang, yang pernah menjadi setiausaha politik bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap pada satu seminar di sini, Chang menyifatkan Perang Dingin sebagai Perang Dunia III, dan bahawa Perang Dunia IV telah bermula dengan pengeboman di Afghanistan yang disusuli dengan peringkat kedua iaitu penaklukan Iraq, dengan alasan mencari senjata pemusnah besar-besaran dan menyingkirkan orang yang dianggap diktator.

Beliau berkata terdapat bukti mengenai kejatuhan apa yang dilihatnya sebagai empayar Anglo-Amerika, dengan Israel sebagai pencetus perang nuklear dan pembentukan peta baru dunia menjelang pertengahan abad ini.

Sambil membidas pentadbiran Amerika Syarikat yang diketuai Presiden George W. Bush, Chang berkata negara itu tidak sahaja melakukan jenayah perang besar di Iraq dan Afghanistan malah di Nicaragua, El-Salvador dan lain-lain.

"Amerika Syarikat juga pakar dalam menghapuskan orang yang mereka tidak suka," kata Chang yang menyenaraikan lebih daripada 20 pemimpin negara yang didakwa dibunuh atau cuba dibunuh oleh kuasa besar itu.

Beliau juga mendakwa terdapat pakatan antara Amerika Syarikat, Israel dan Britain, dengan Amerika Syarikat menyediakan kekuatannya, Israel menjadi perancang dan Britain pula menyumbang pemikiran dan sumber kewangan dalam usaha mereka untuk menakluki dunia.

Sambil membidas media barat kerana digunakan sebagai mekanisme propaganda perang, Chang berkata terdapat tiga peringkat propaganda -- sebelum kempen ketenteraan, semasa kempen ketenteraan dan selepas kempen ketenteraan.

Beliau berkata bahawa Afghanistan merupakan sekadar perang pembukaan, sedangkan yang lebih penting lagi selepas Afghanistan, ialah empayar Anglo-Amerika akan "bergerak ke depan dalam agenda mereka untuk mewujudkan Jerusalem baru".

Pemikiran dan penyelidikan Chang sudah diterbitkan dalam sebuah buku bertajuk "Future Fast Forward: The Zionist Anglo-American Empire Meltdown". Ia berharga RM30 dan boleh didapati di kedai-kedai buku utama di seluruh negara.

-- BERNAMA

SR AU LAT MAI